



# MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD  
YANG DIPERTUA MPSP**

## SEMPENA

**PROGRAM SAMBUTAN “*EARTH HOUR*”  
PERINGKAT MPSP**

**24 MAC 2018 (SABTU)  
7.45 PETANG**

**PARKIR KERETA BERHAMPIRAN PINTU 3  
MENARA MPSP**

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmud**

Puan Setiausaha Perbandaran

**Ketua-Ketua Jabatan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Pegawai-Pegawai Kanan MPSP**

**Kakitangan-kakitangan MPSP**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

## **ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABAROKATUH SALAM SEJAHTERA DAN SELAMAT PETANG**

Alhamdulillah bersyukur ke hadirat ilahi, pada petang yang barakah ini dapat juga kita bersama-sama berkumpul untuk Program Sambutan “*Earth Hour*” Peringkat MPSP. Terima kasih kepada semua Ahli Majlis dan kakitangan yang terlibat dalam menjayakan program ini.

### **Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian**

*Earth Hour* merupakan salah satu inisiatif global yang dilakukan dengan kerjasama World Wide Fund (WWF). Sambutan ini merupakan sebuah simbolik bertujuan bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan penjimatan tenaga dan juga kesannya terhadap alam sekitar. *Earth Hour* juga memainkan peranan penting bagi menyedarkan masyarakat mengenai pelepasan gas rumah hijau.

Acara tahunan ini bermula pada tahun 2007 di Sydney, Australia, di mana 2.2 juta individu dan lebih daripada 2,000 premis perniagaan menutup lampu kediaman, premis perniagaan dan pejabat dalam tempoh satu jam. Kebanyakan individu, premis perniagaan, sektor kerajaan serta komuniti disarankan agar menutup lampu yang tidak

diperlukan selama satu jam pada hari Sabtu minggu terakhir pada setiap bulan Mac sebagai tanda sokongan mereka dalam usaha pemuliharaan alam sekitar. Kini, acara ini dikenali sebagai 'kempen dunia terbesar bagi menyelamatkan bumi kita'.

Cuba bayangkan, jumlah tenaga yang dapat diijimatkan jika seluruh dunia memadamkan lampu yang tidak diperlukan pada waktu yang sama, selama 60 minit! Penjimatan tenaga yang dapat diselamatkan semestinya sangat memberangsangkan, dan lebih daripada itu, ianya merupakan satu simbolik ke arah menyelamatkan alam sekitar.

Acara *Earth Hour* yang berlangsung pada setiap tahun, bukan sekadar acara tahunan, malah acara ini telah memberi inspirasi kepada orang ramai untuk lebih peka terhadap alam sekitar, terutamanya perubahan iklim yang berubah saban hari. Lebih memberangsangkan apabila acara ini telah mendapat sambutan dan menjadi ikutan orang ramai saban tahun.

Kempen Earth Hour ini, seterusnya menjadi acara yang disertai oleh 7,000 Negara dan bandar seluruh dunia. Malaysia juga merupakan salah sebuah negara yang menyertai acara ini secara aktif sejak pertama kali ianya diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2009.

## Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian

MPSP menyertai kempen Earth Hour semenjak tahun 2015 di mana lampu-lampu pejabat di Menara MPSP dan juga di Cawangan Majlis Perbandaran Seberang Perai, Jalan Betek dipadamkan untuk tempoh satu jam. MPSP akan terus menganjurkan Sambutan Earth Hour di peringkat MPSP dan mengajak warga Seberang Perai untuk turut serta mengambil bahagian.

Sambutan *Earth Hour* di peringkat MPSP ini adalah sejajar dengan aspirasi Seberang Perai untuk menjadi sebuah Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022. Sambutan ini adalah bertujuan bagi mengalakkan warga Seberang Perai untuk memahami kepentingan pemeliharaan alam sekitar serta menghayati konsep bandaraya rendah karbon. Program ini dijangka dapat mengurangkan pelepasan karbon bagi Menara MPSP sebanyak 0.94 tan CO<sub>2</sub>e.

Seluruh warga Seberang Perai disarankan untuk turut serta bersama-sama menyertai sambutan ini dengan menutup lampu selama tempoh sejam sebagai satu simbolik, melainkan di kawasan umum atas faktor keselamatan. Penyertaan keseluruhan warga Seberang Perai

akan membantu mengurangkan pelepasan karbon perkapita sebanyak 0.05 tan CO<sub>2</sub>e.

### **Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian**

Menerusi Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022, MPSP mensasarkan untuk menjadi sebuah Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang Tahun 2022. Pelbagai usaha telah diketengahkan untuk mencapai Seberang Perai yang “*Resilient, Inklusif, Hijau dan Berdaya Saing*” yang merupakan satu perancangan atau komitmen MPSP kepada semua pelanggan, *stakeholders*, Kerajaan Negeri dan warga Seberang Perai dalam menjayakan Visi dan Misi MPSP, dan seterusnya menjadikan MPSP sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang terbuka, interaktif, cekap dan mendapat sokongan *civil society*.

Melalui Keutamaan Strategik 4: Pembangunan Hijau dan Persekitaran Bersih, MPSP telah merancang untuk melaksanakan beberapa program dalam usaha untuk menjadikan Seberang Perai sebagai Bandaraya Rendah Karbon menjelang Tahun 2022. Program-program yang dirancang tersebut adalah:-

- i. Menanam 3,000 batang pokok di pelbagai lokasi dalam Seberang Perai setiap tahun;
- ii. Menetapkan sasaran untuk mencapai kadar kitar semula sebanyak 70% menjelang 2022;
- iii. Mengurangkan berat sisa pepejal yang masuk ke Tapak Pelupusan Pulau Burung sebanyak 50% pada tahun 2022;
- iv. Menukar sebanyak 1,000 unit lampu jalan kepada lampu LED setiap tahun sebagai satu langkah ke arah penjimatan tenaga dan pengurangan pelepasan karbon. Menerusi inisiatif ini, sebanyak 13.35 tan CO<sub>2</sub>e pelepasan karbon dapat dikurangkan setiap tahun.
- v. Memasang solar panel di MPSP agar dapat menyediakan sumber tenaga boleh baharu (renewable) yang mencukupi. MPSP telah memasang 220 unit panel berkapasiti 265Wp di atas bumbung parkir motosikal kakitangan MPSP. Program tenaga solar MPSP mula beroperasi pada Januari 2018. Sistem solar ini dijangka dapat mengeluarkan tenaga sebanyak 6,130kWh sebulan. Dengan tariff TNB RM0.365/kWh sekarang, dijangka boleh menjimatkan

perbelanjaan sebanyak RM2,237 sebulan atau RM26,829.63 setahun bagi tempoh selama 25 tahun.

MPSP ingin menyeru penglibatan dari semua kakitangan MPSP dan warga Seberang Perai untuk menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan oleh MPSP ke arah pembentukan Seberang Perai sebagai sebuah Bandaraya Rendah Karbon.

### **Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian**

Saya berharap agar kempen kesedaran "*Earth Hour*" ini dapat diaplikasikan dan dilaksanakan oleh semua warga MPSP dan juga warga Sebrang Perai dalam kehidupan seharian secara kolektif yang akan memberikan impak positif kepada perubahan iklim global serta mewujudkan dunia yang lebih mampan. Jadikanlah ini sebagai sumber inspirasi untuk mendidik keluarga dan komuniti untuk mencintai alam sekitar memandangkan kesedaran kepada alam sekitar perlu dididik diusia masih muda supaya menjadi sifat terpujidan ikutan generasi berikutnya. Persediaan untuk generasi masa hadapan adalah tanggungjawab kita pada hari ini untuk menyelamatkan bumi kita.



Sebagai mengakhiri kata-kata, dengan lafaz BISMILLAH saya dengan ini merasmikan Program Sambutan *Earth Hour* Peringkat MPSP.

***Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**Sekian, terima kasih.**